



Program Eco-Schools dan Kemenjadian Murid



Tentang Program Eco-Schools

Program Eco-Schools adalah sebuah program pembelajaran berdasarkan projek yang membolehkan pelajar sekolah rendah dan menengah untuk bertindak bagi mengatasi isu-isu alam sekitar setempat. Program ini mengemukakan proses pengurusan perubahan berstruktur, yang dikenali sebagai Metodologi 7 Langkah, serta modul pelaksanaan yang akan berlangsung selama 3 tahun. Melalui proses dan modul ini, sekolah-sekolah yang terlibat akan diberi pendedahan yang mendalam dalam usaha untuk meningkatkan tindakan terhadap alam sekitar yang berkesan secara berterusan.


“

Kita tidak mewarisi Bumi ini dari nenek moyang kita. Tetapi kita meminjamnya dari anak-anak kita.

- PERIBAHASA ORANG ASAL AMERIKA

Sejarah Program Eco-Schools

Pada mulanya, program Eco-Schools telah dilancarkan di Denmark, Germany, Greece dan United Kingdom pada tahun 1994 dengan sokongan Suruhanjaya Eropah. Kini, program ini telah diperluaskan penglibatannya ke 68 buah negara, melibatkan lebih dari 59,000 buah sekolah, 20 juta orang pelajar dan 1.3 juta orang guru di seluruh dunia. Kejayaan program Eco-Schools pada tahap antarabangsa, dengan pengendalian dari Foundation for Environmental Education (FEE), telah mewujudkan satu rangkaian yang unik bagi kolaborasi merentas sempadan yang meluas.



Program Eco-Schools di Malaysia


Program Eco-Schools dimulakan di Malaysia pada tahun 2011 oleh World Wide Fund (WWF) Malaysia. WWF telah mendapat sokongan dari National Eco-Schools Committee (NESC) dan juga Kementerian Pendidikan, Jabatan Alam Sekitar, serta beberapa badan-badan kerajaan, agensi, pertubuhan bukan kerajaan, dan universiti.

Program Eco-Schools di Malaysia telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2019. KPM juga telah memberikan pengiktirafan terhadap projek dan aktiviti yang dilaksanakan di bawah Program Eco-Schools di mana pelajar-pelajar yang terlibat akan memperoleh markah kokurikulum bagi penyertaan aktif mereka.

Pada bulan Mac 2019, Green Growth Asia Foundation (GGAF) telah memperoleh kelulusan untuk menggalas tanggungjawab sebagai pengendali utama Program Eco-Schools ditahap kebangsaan menggantikan peranan WWF, kini mengendali 166 buah sekolah di Melaka, Kedah, Perak dan Kelantan. Selain menjadi badan perhubungan antara GGAF dan Foundation for Environmental Education (FEE), WWF juga bertindak sebagai penasihat bagi GGAF.

Kini, lebih daripada 300 sekolah di seluruh Malaysia yang telah melancarkan program Eco-Schools di sekolah mereka.

3 Penglibatan aktif negeri paling aktif sehingga kini merupakan negeri Melaka dengan 130 buah sekolah.



Kerangka Kerjasama

PERINGKAT NEGERI

GGAF telah merangka sebuah carta penglibatan untuk memberi keterangan yang lebih jelas akan peranan pihak berkepentingan yang terlibat bagi peringkat negeri dan kebangsaan.

Bagi peringkat negeri, tumpuan program terletak pada peringkat pelaksanaan di mana kerjasama antara perbadanan-perbadanan yang berperanan sebagai pelaksana projek dan juga penggerak projek untuk menghasilkan tiga komponen khas yang terperinci bagi program Eco-Schools yang dijalankan mengikut kesesuaian ekonomi, budaya dan kewangan dalam sesebuah pekan/bandar.

Dengan perbincangan dan kajian yang mendalam, latihan dan bimbingan yang berstruktur boleh diwujudkan serta jalinan dan jaringan dengan pihak yang tertentu boleh dihasilkan. Seterusnya, dengan kerjasama kedua-dua pihak projek yang kuat dan aktif, program ini mampu menggalakkan penglibatan rakan komuniti yang lebih meluas.

Apabila ketiga-ketiga komponen telah dicapai, sekolah yang berkaitan akan layak untuk dinilai bagi anugerah-anugerah berprestij dibawah Program Eco-Schools yang terdiri daripada anugerah peringkat negeri, peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

Pelaksana Projek

Penggerak Projek



MB Inc.
PERAK
PERBADANAN MENTERI BESAR

Jabatan Pendidikan Negeri

Latihan & Bimbingan

Jalinan & Jaringan

Penglibatan Rakan Komuniti

Pensijilan Pembentukan Budaya



Kerangka Kerjasama


PERINGKAT KEBANGSAAN

Alam Sekitar secara semula jadinya akan sentiasa berkembang. Oleh itu, usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar perlu mengikut perkembangan alam sekitar lebih-lebih lagi dengan wujudnya pembangunan ekonomi yang semakin pesat.

Program Eco-Schools menyedari akan perkembangan ini, lalu membuka sebuah platform dimana sekolah-sekolah yang terlibat boleh membentang serta membincangkan isu-isu alam sekitar yang berlaku di kawasan sekolah mereka.

Dengan penglibatan dan kolaborasi giat dari kerajaan, pihak universiti dan agensi-agensi, solusi untuk penambahbaikan boleh dikaji dengan lebih mendalam dengan pendapatan data-data yang relevan serta kajian spesifik yang berkaitan dengan isu dan program dijalankan oleh sekolah Eco-Schools.

Sebagai peneraju bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap isu-isu alam sekitar, kerjasama kesemua pihak pada peringkat kebangsaan mempunyai lebih banyak potensi untuk menukar corak pemikiran ramai terhadap alam semula jadi di kawasan persekitaran mereka.



Peranan Program Eco-Schools dalam Pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Satu proses pembinaan negara dan bangsa semenjak merdeka lagi, Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan sebuah idea penggubalan yang menyeluruh yang dirumuskan pada tahun 1988.

Demi mencapai tahap pendidikan yang kualiti tinggi, pendidik, ibu bapa, murid dan ahli masyarakat perlu bersatu pendapat dalam visi pendidikan yang merangkumi intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi pembentukan individu pelajar.

Menerusi program Eco-Schools, kemenjadian murid diberi tumpuan maksima bagi perkembangan individu secara holistik. Secara langsung, program ini membawa ke hadapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam menanjak perkembangan pelajar dalam pelbagai aspek.

Selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Program Eco-Schools bertujuan untuk menghasilkan murid yang mempunyai Etika dan Kerohanian, Identiti Nasional, Kemahiran Dwibahasa, Kemahiran Kepimpinan, Kemahiran Berfikir dan Pengetahuan.

Program Eco-Schools dan PPPM (2013-2025)



Mengikuti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025) yang telah mengenal pasti bahawa pendidikan di Malaysia sebagai satu usaha berterusan ke arah perkembangan individu secara menyeluruh dan bersepadu.

Secara keseluruhan, tanggungjawab wadah pembangunan murid terletak di tangan pendidik, ibubapa dan ahli masyarakat. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi membentuk pendidikan seimbang dan membina perincian dengan misi untuk memudahkan pelajar untuk menerajui masa hadapan mereka.

Selari dengan Anjakan Utama untuk mentransformasi sistem pendidikan negara, Program Eco-Schools menerapkan 5 daripada 11 anjakan yang dinyatakan di dalam PPPM.

- Anjakan 1: Menyediakan Kesamarataan Akses kepada Pendidikan Berkualiti Bertaraf Antarabangsa
- Anjakan 3: Melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai
- Anjakan 7: Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia
- Anjakan 9: Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas
- Anjakan 10: Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap Ringgit

Perlaksanaan Dasar / Inisiatif yang Didokong Program Eco-Schools

JERI

KONSEP JASMANI, EMOSI, ROHANI, INTELEK

JERI ataupun Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek merupakan satu konsep panduan dalam kurikulum untuk membentuk individu yang lebih menyeluruh. Jasmani melibatkan aktiviti pergerakan tubuh fizikal. Emosi merujuk kepada bangsa yang kuat dan mulia serta menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum. Rohani adalah pembentukan dan pembinaan watak dan kejatidirian manusia yang selari dengan agama, adat dan sosio-budaya di Malaysia. Intelek iaitu kejayaan yang merangkumi keupayaan berfikir untuk hidup berdikari.

TRANSFORMASI SEKOLAH 2025

**PEMBELAJARAN BERMAKNA - GURU
BERKUALITI, PEMIMPIN BERKESAN &
SOKONGAN KOMUNITI**



Selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti dengan mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP).

DASAR MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS



LANGKAH ENAM, JARINGAN DAN JALINAN

Sejajar dengan hasrat menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, MBMMBI bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai kebolehan menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan fasih dan yakin kerana aspek penguasaan bahasa adalah tumpuan penting dalam proses perubahan sistem pendidikan negara. Pembentukan murid yang fasih dan yakin berbahasa mampu meningkatkan kebolehpasaran mereka serta memaksimumkan peluang kerjaya dalam pasaran kerja dunia.

RANCANGAN MALAYSIA KE-11

TERAS STRATEGIK PERTUMBUHAN HIJAU



Rancangan Malaysia Ke-11 bertujuan untuk mencapai status negara maju dan inklusif, telah melaksanakan anjakan dasar pembangunan dan merangka pendekatan baharu bagi menangani pelbagai cabaran. Antara strategi yang diperkenalkan dibawah RMK11 ialah strategi pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan. Strategi pertumbuhan hijau ini membawa ke hadapan peningkatan kualiti pertumbuhan, pengukuhan jaminan bekalan makanan, air dan tenaga serta pengurangan risiko alam sekitar dan kemusnahan ekologi demi peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)

SDG 4 PENDIDIKAN BERKUALITI, SDG 12 PENGELUARAN DAN PENGAMBILAN YANG BERHEMAH



Terdiri daripada 17 Matlamat yang diguna pakai 193 negara anggota PBB sebagai agenda pembangunan dan kemaslahatan manusia dan Bumi, Matlamat Pembangunan Mampan atau Matlamat Pembangunan Lestari membantu Program Eco-Schools menekankan dua matlamat iaitu Pendidikan Berkualiti dan Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab. Kedua-dua matlamat ini masing-masing menjamin pendidikan menyeluruh dan ekuiliteri, menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua, dan memastikan corak penggunaan dan pengeluaran mampan.

SKPMG2

PENINGKATAN MUTU PENDIDIKAN

Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 ataupun SKPMg2 adalah penggubalan semula Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010 atau SKPM 2010 dengan penambahbaikan dan peningkatan kualiti pada beberapa standard seperti aspek kepimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid, pembelajaran dan pemudahcaraan dan kemenjadian murid.

Melalui program Eco-Schools, kesemua piawai adalah dipraktikkan sepanjang program dijalankan sehingga mencapai kualiti pendidikan semasa yang lebih tinggi dan berkualiti.



Manfaat Program Eco-Schools

MURID

- Memperoleh markah bagi pentaksiran aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK).
- Pelajar mempraktikkan aspek-aspek kemenjadian murid yang holistik serta mempelajari pelbagai kemahiran baharu.
- Program ini dapat memberikan ilham dan inspirasi serta rasa tanggungjawab yang lebih besar kepada pelajar untuk mengambil tindakan ke atas isu-isu alam sekitar.
- Pelajar dapat mengasah kemahiran-kemahiran mereka dan menggunakannya untuk mengambil tindakan yang berterusan ke arah penambaan dunia dari segi ekonomi, sosial dan persekitaran.

GURU

- Melibatkan diri dalam aktiviti Training of Trainers (ToT) dan berpeluang merangkul anugerah kecemerlangan guru.
- Para guru juga boleh mengadaptasikan Metodologi - 7 Langkah ke dalam kurikulum untuk penglibatan pelajar yang lebih aktif dan menyeluruh.
- Program Eco-Schools ini menghasilkan sekolah-sekolah yang menjadi model peranan bagi kawasan komuniti dan pekan/bandar mereka.
- Program ini juga menghasilkan impak yang positif kepada kawasan persekitaran sekolah dengan penglibatan dari komuniti setempat, sekolah lain dan organisasi-organisasi.

GURU BESAR / PENGETUA

- Melibatkan diri dalam aktiviti Training of Trainers (ToT) dan berpeluang merangkul anugerah kepimpinan lestari.
- Menghasilkan para pelajar yang berkualiti dan holistik, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

PEGAWAI PENYELARAS

- Berpeluang menyertai seminar antarabangsa Eco-Schools di bawah tajaan Yayasan untuk Pendidikan Alam Sekitar (FEE)

“

Alam semula jadi adalah tanggungjawab semua untuk dijaga, bukan hak sesiapa untuk dimusnahkan.

- MOHITH AGADI

Kisah Kejayaan #1

SK BUKIT LINTANG

Antara sekolah-sekolah yang terlibat di bawah program Eco-schools, SK Bukit Lintang, Melaka telah menunjukkan komitmen yang aktif dan bersemangat dalam menjayakan program ini secara komprehensif sehingga merangkul anugerah berprestij antarabangsa iaitu Anugerah Green Flag.

Usaha mereka terbukti hebat dan menjadi model peranan apabila mereka berjaya melancarkan tujuh jenis projek hanya dalam pada masa satu tahun dan lima bulan bagi menyelesaikan isu-isu alam sekitar yang dikenal pasti di kawasan setempat iaitu hakisan tanah, ancaman debu dan limpahan air berlumpur.

Kemenangan mereka berhak dianjung kerana mereka telah berjaya menghabiskan program dengan mengikuti dan menjalankan kesemua Metodologi Pelaksanaan Program Eco-Schools secara menyeluruh dan dalam masa yang lebih singkat berbanding dengan tempoh pelaksanaan yang ditetapkan iaitu tiga tahun.

Namun, perkara yang paling penting sekali adalah mereka berjaya melancarkan impak yang besar iaitu pelajar diasah dengan visi dan misi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dimana mereka telah didedahkan kepada ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin dan kemahiran dwibahasa dengan menjalankan projek dan aktiviti di bawah program Eco-Schools. Selain itu, pelajar-pelajar juga diberi penekanan terhadap aspek etika dan kerohanian serta identiti nasional sepanjang program Eco-Schools dijalankan.



Eco-Schools Programme Malaysia

GREEN FLAG AWARD

presented to

SK Bukit Lintang, Melaka

for the achievement led by its Eco-Schools Programme Committee in addressing environmental issues based on the Seven Steps Methodology in compliance with its associated criteria.




NOR SHIDAWATI ABDUL RASID
National Coordinator
WWF-Malaysia



Kisah Kejayaan #2

ECO SCHOOL'S ANGELS

Melalui program Eco-Schools, tiga puteri dari SMK Durian Tunggal, Melaka telah berjaya memenangkan sekolah mereka Anugerah Green Flag pada November 2018, membawa nama sekolah ke peringkat antarabangsa setelah bertanding beratus sekolah di seluruh negara. Dinamakan sebagai 'Eco-School's Angels', tiga pelajar perempuan yang terdiri daripada Chin Yee Wei, Nurul Anis Binti Abdul Halim and Rannisha A/P Thanarayannaidu, berumur 17 tahun, mengambil inisiatif tersendiri dengan bantuan dan sokongan guru dan ibubapa mereka untuk mengetuai pergerakan ke arah dunia yang lebih hijau.

Ketiga-tiga pelajar ini telah berjaya menghasilkan sebuah bandar mini menggunakan barangan kitar semula seperti surat khabar, tayar, botol dan macam-macam lagi. Mereka juga telah mendekati rakan-rakan mereka dan mengajar tentang kebaikan sisa makanan sebagai baja. Selain itu, mereka telah menjalankan sebuah aktiviti 'Trash for Cash' di mana para pelajar boleh menggantikan barangan kitar semula mereka dengan wang.

Kesemua aktiviti-aktiviti yang telah dilancarkan, mereka mempraktikkan kesemua Metodologi Pelaksanaan Eco-Schools termasuk Metodologi Eco-Schools - 7 Langkah. Meskipun sibuk dengan jadual pembelajaran yang mampat, mereka berjaya menguruskan masa mereka dengan menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan mengusahakan program Eco-Schools dengan seimbang.




Metodologi Pelaksanaan Program Eco-Schools

KITARAN PERLAKSANAAN PROJEK - 3 TAHUN

Sekolah-sekolah rendah dan menengah yang menyertai Program Eco-Schools akan melalui proses kitaran pelaksanaan projek selama tiga tahun.

Setiap tahun akan melalui fasa yang berlainan untuk menggalakkan kelancaran program yang maksima serta membangun. Berikut merupakan fasa yang akan dilancarkan bagi setiap tahun.



METODOLOGI ECO-SCHOOLS - 7 LANGKAH



METODOLOGI ECO-SCHOOLS - 7 LANGKAH

Metodologi Eco-Schools - 7 Langkah adalah satu siri langkah-langkah yang telah dibentuk khusus untuk membantu sekolah memaksimumkan kejayaan cita-cita Eco-Schools. Kaedah ini melibatkan pelbagai individu dari komuniti sekolah - dengan pelajar memainkan peranan utama dalam proses tersebut.

LANGKAH 1: MEMBENTUK JAWATANKUASA

Jawatankuasa Eco-Schools adalah penggerak dalam mewakili idea-idea seluruh sekolah.

LANGKAH 2: KAJIAN ALAM SEKITAR

Jawatankuasa menilai prestasi semasa sekolah dalam 11 tema atau topik

LANGKAH 3: PELAN TINDAKAN

Pelan tindakan dibentuk dari hasil kajian yang menggariskan tindakan dan matlamat yang akan dicapai setiap tahun. Dinasihatkan untuk mempunyai sasaran yang boleh diukur jika mungkin

LANGKAH 4: PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Untuk mengetahui sama ada pasukan anda berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan, anda perlulah memantau dan mengukur kemajuan projek anda.

LANGKAH 5: INTEGRASI KURIKULUM

Selain meningkatkan status program, menghubungkan aktiviti Eco-Schools dalam kurikulum memastikan bahawa Eco-Schools benar-benar diintegrasikan dalam komuniti sekolah. Aktiviti Eco-Schools anda perlu meningkatkan dan diadaptasi dalam kerja kurikulum anda dan sebaliknya. Bahan-bahan disediakan memberi idea tentang bagaimana mengintegrasikan isu-isu alam sekitar ke dalam pelajaran.

LANGKAH 6: JARINGAN DAN JALINAN (TEMPATAN DAN ANTARABANGSA)

Program publisiti memastikan seluruh sekolah dan komuniti yang lebih luas terlibat dan dimaklumkan melalui papan notis, paparan, perhimpunan, laman web, liputan media serta jalinan hubungan dengan sekolah diperingkat tempatan dan antarabangsa.

LANGKAH 7: MENGHASILKAN KOD EKO

Kenyataan yang mewakili komitmen sekolah terhadap alam sekitar. Menggariskan objektif yang menunjukkan komitmen sekolah terhadap tindakan yang mesra alam. Ini boleh dibentuk dalam bentuk puisi, lagu, seni reka bentuk dan lain-lain yang menggalakkan penglibatan seluruh komuniti sekolah.

12 TEMA ECO-SCHOOLS

Selain daripada Metodologi Eco-Schools - 7 Langkah, yang merupakan aspek paling penting bagi Program Eco-Schools, mempraktikkan ia dengan Tema-tema boleh dijadikan panduan yang sangat membantu dalam memastikan kelancaran program yang berstruktur. Eco-Schools Global telah mengeluarkan 12 Tema yang merangkumi pelbagai jenis isu-isu alam sekitar yang kini dialami dunia. Setiap Tema menumpukan dengan khusus sesuatu aspek alam sekitar supaya pemeriksaan dan penelitian isu dapat diselesaikan dengan lebih teratur dan mempunyai kesan yang lebih tahan lama.

“

**Merosakkan alam sekitar,
umpama merosakkan
anak-anak kita.**

- WENDELL BERRY

Berikut adalah 12 Tema yang dilancarkan oleh Eco-Schools Global:



BIODIVERSITI



PERUBAHAN
IKLIM



TENAGA



MAKANAN



SISA
PEMBUANGAN
SAMPAH



MARIN &
PANTAI



PERSEKITARAN



PENGANGKUTAN



MASYARAKAT
GLOBAL



KESIHATAN &
KESEJAHTERAAN



SISA



AIR

MODUL PROGRAM

Green Growth Asia Foundation (GGAF) telah merangka modul standard Program Eco-Schools untuk dilancarkan di sekolah-sekolah bagi para pelajar dan para guru.

Modul ini merangkumi Metodologi Eco-Schools - 7 Langkah yang telah dibahagikan mengikut fasa dengan mengadaptasi Kitaran Perlaksanaan Projek - 3 tahun.

Sebuah seminar utama akan diberikan kepada pentadbiran sekolah untuk setiap tahun bagi memperkenalkan modul-modul tertentu.

Selain itu, apabila pihak sekolah telah berjaya mendapatkan kerjasama kesemua guru, pelajar, staf sekolah dan komuniti dan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Eco-Schools, bengkel-bengkel yang merangkumi ketujuh-tujuh langkah Metodologi Eco-Schools dapat diimplementasikan.

Tahun Ketiga Pelaporan dan Penganugerahan



Langkah 6 - Jaringan & Jalinan
Langkah 7 - Kod Eko Pelaporan dan Penilaian

Tahun Kedua Pelaksanaan



Langkah 3 - Pelan Tindakan
Langkah 4 - Pemantauan & Penilaian
Langkah 5 - Integrasi Kurikulum

Tahun Pertama Persediaan



Bayangan
Langkah 1 - Penubuhan Pasukan
Langkah 2 - Kajian Semula Alam Sekitar

Langkah

Modul/ Bengkel dan Golongan Sasar			
Pentadbiran Sekolah	Seminar 1 Modul: Pengenalan Program Eco-Schools bagi Guru Besar/ Pengetua	Seminar 2 Modul: Kemajuan Kajian Semula dan Pendanaan bagi Guru Besar/ Pengetua	Seminar 3 Modul: Strategi Perangkaan dan Perkongsian Maklumat bagi Guru Besar/ Pengetua
	Bengkel 1 Modul: Proses Eco-Schools, Tema dan Pembentukan Pasukan	Bengkel 4 Modul: Pembangunan Garis Dasar dan Cadangan Langkah Balas	Bengkel 8 Modul: Pelan Komunikasi Media dan Kod Eko
	Bengkel 2 Modul: Kajian Semula Alam Sekitar dan Pengumpulan data	Bengkel 5 Modul: Pembangunan Pelan Tindakan dan Strategi SMART	Bengkel 9 Modul: Penulisan Artikel Media dan Media Sosial
Jawatankuasa Eco-Schools	Bengkel 3 Modul: Skop Projek dan Analisis Punca	Bengkel 6 Modul: Kaedah Pemantauan dan Penilaian	Bengkel 10 Modul: Penceritaan Alam Sekitar
		Bengkel 7 Modul: Pembangunan Rancangan Mengajar dan Pemetaan Kurikulum	Bengkel 11 Modul: Penyediaan Laporan dan Pra-Audit
Latihan Bersasar: Bengkel Amali		Latihan Bersasar: Bengkel Amali	
Modul: Audit Air, Pengkomposan, Agroteknologi, Bengkel Kitar Tinggi, Kem Peny, Audit Tenaga dan Kajian Kes		Modul: Audit Air, Pengkomposan, Agroteknologi, Bengkel Kitar Tinggi, Kem Peny, Audit Tenaga dan Kajian Kes	


KATEGORI SEKOLAH & SKEMA INTERVENSI

Setelah pengenalan terhadap Program Eco-Schools diberikan kepada sekolah-sekolah yang terlibat, ianya penting bagi pihak sekolah untuk mengenal pasti kebolehan masing-masing dalam mengetuai projek pada tahap paling efisien dan komprehensif. Terdapat tiga jenis sekolah yang telah diklasifikasikan dan setiap kategori memerlukan skema intervensi yang berbeza.

MEMAHAMI KEBOLEHAN SEKOLAH-SEKOLAH

Skema Intervensi Berbeza Diperlukan

Skema Intervensi Berbeza Diperlukan



JENIS SEKOLAH	SKEMA INTERVENSI	JENIS SOKONGAN
Sekolah Membangun <i>Developing Schools</i>	Bimbingan <i>Guidance</i>	Intervensi bimbingan merupakan sebuah program atau langkah spesifik yang dirancang bagi membantu sekolah membangun dalam bidang tertentu. Lawatan Lapangan, Bimbingan secara bersemuka, Latihan Bersasar
Sekolah Biasa <i>Normal Schools</i>	Asas <i>General</i>	Program Asas Sekolah akan mengikuti struktur program yang telah dirancang.
Sekolah Berprestasi Tinggi <i>High Performance Schools</i>	Intensif <i>Fast-tracking</i>	Program Pecutan membolehkan pihak sekolah untuk mempercepatkan proses tujuh langkah, namun sekolah yang terlibat perlu menyertai bengkel dan aktiviti bersasar bagi mengenal pasti penyelesaian terbaik kepada isu alam sekitar yang kritikal di dalam komuniti selaras dengan tema yang di pilih. Sebuah Program Kewartawanan Alam Sekitar yang intensif
Sekolah Berkeperluan Khas <i>Special/Need Schools</i>	Beraskan Kemahiran <i>Skill-based</i>	Bengkel beraskan kemahiran – Agroteknologi, Bengkel Kitar Tinggi, Modul Tenaga – Pemasaran lampu penjimatan tenaga dan servis penyaman udara. Fotografi Alam Sekitar melatih guru dalam proses pendokumentasian dan pelaporan kemajuan

KRITERIA PENGANUGERAHAN

Sekolah-sekolah yang menyertai program Eco-Schools layak untuk menerima anugerah berprestij anjuran Foundations for Environmental Education (FEE). FEE merupakan sebuah perbadanan bukan kerajaan antarabangsa bagi program Eco-Schools Global. Terdapat tiga anugerah iaitu anugerah Eco-Schools Bronze Award, anugerah Eco-Schools Silver Award dan anugerah Green Flag.

Untuk menerima anugerah-anugerah ini, pihak sekolah perlu bekerjasama untuk melengkapkan kesemua langkah-langkah metodologi pelaksanaan program dengan menyeluruh dan jayanya.

Proses audit bagi pengiktirafan peringkat antarabangsa hanya dikendalikan bagi anugerah Green Flag setelah kesemua kriteria dicapai. Antara kriteria-kriteria tersebut adalah projek yang dilancarkan di sekolah memberi kesan impak yang tinggi pada komuniti serta mendapat liputan media domestik ataupun antarabangsa. Selain itu, sekolah juga perlu mewujudkan perangkaian antarabangsa dengan institut atau organisasi luar negara.

Bagi anugerah Eco-Schools Bronze Award dan anugerah Eco-Schools Silver Award, tiada audit yang dilaksanakan oleh pentaksir bebas, tetapi kedua-dua anugerah ini mengiktiraf perkembangan program Eco-Schools dalam perangkaian setempat atau kebangsaan sekolah pada tahap-tahap tertentu. Walaupun kedua-dua anugerah ini memberi perasmian terhadap usaha pihak yang terlibat, kesemua sekolah program Eco-Schools harus bekerjasama untuk mencapai anugerah berprestij antarabangsa Green Flag.



- Antarabangsa
- Perangkaian Antarabangsa
- Diaudit oleh pentaksir bebas
- Projek berimpak tinggi di peringkat komuniti serta pertukaran ilmu yang jelas di peringkat antarabangsa
- Penerbitan bahan media



- Kebangsaan
- Perangkaian Kebangsaan
- Tiada audit di lapangan
- Projek berimpak tinggi di peringkat komuniti
- Penerbitan bahan media



- Kebangsaan
- Perangkaian Setempat
- Tiada audit di lapangan
- Projek berimpak tinggi di peringkat sekolah

Pelan Penilaian Impak

PENGUKURAN IMPAK ECO-SCHOOLS

Bagi memperkukuh aspek latihan program Eco-Schools di sekolah, Green Growth Asia Foundation (GGAF), yang berperanan sebagai pengendali program, telah membentuk beberapa kaedah bagi menerangkan kesan atau impak yang dibawah pelaksanaan Eco-Schools buat rujukan pihak berkepentingan.

Berikut merupakan cara pengukuran program Eco-Schools.



IMPAK (DATA)

PELAN PENGUKURAN IMPAK PROGRAM ECO-SCHOOLS MENGIKUT TEMA



CERITA

KAJIAN (ILMU PENGETAHUAN, SIKAP DAN LATIHAN)






IMPAK PROGRAM ECO-SCHOOLS

Menurut 'FEE Eco-Schools Global Data' tahun 2016-2017, hasil pengumpulan data dan kajian telah dikategorikan mengikut dapatan kuantitatif, dapatan kualitatif serta dapatan kolektif kawasan. Antara maklumat yang telah dikumpul dan dikaji adalah kadar peningkatan bagi penjimatan air, sisa pepejal dan elektrik, dapatan kualitatif bagi pihak guru dan pelajar, serta kadar peningkatan bagi impak program terhadap pembelajaran, pengetahuan dan persepsi guru, pihak sekolah, pelajar, dan ibu bapa di sekolah, rumah dan komuniti.

Berikut merupakan statistik daripada hasil dapatan kajian

DAPATAN KUANTITATIF



DAPATAN KUALITATIF - GURU



85 % Peningkatan tahap penguasaan bidang STEM Hijau dan pembelajaran berasaskan projek



82% Peningkatan persepsi positif terhadap kepentingan isu-isu kelestarian alam sekitar



12% Peningkatan dalam pembelajaran luar bilik darjah

DAPATAN KUALITATIF - PELAJAR



5 % Peningkatan pengetahuan mengenai sisa pepejal



20% Peningkatan pengetahuan mengenai air



18% Peningkatan pengetahuan mengenai elektrik



DI SEKOLAH



84% pengetua sekolah menyatakan bahawa terdapat peningkatan dalam kerjasama antara guru




89% guru sekolah menyatakan mereka belajar untuk berkerjasama melalui program eco-schools



8/10 guru sekolah menyatakan bahawa program eco-schools membolehkan mereka menguasai kebolehan baru

DI RUMAH



3/4 ibu bapa menyatakan bahawa anak mereka telah mempelajari kemahiran baru dan berterima kasih kepada penganjuran program eco-schools



8/10 ibu bapa telah menerapkan tingkah laku baru mengenai pengurusan sisa pepejal (pengumpulan terpilih, beg guna semula, kitar semula bateri)

DALAM KOMUNITI



83% pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa program eco-schools berjaya meningkatkan tahap kesedaran biodiversiti dalam kalangan kakitangan yang bertanggungjawab terhadap kawasan hijau.



87% sekolah telah memasang tempat persinggahan hidupan liar (kotak sarang dan sebagainya)

“

Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

— PERIBAHASA

E-Twinning

**UNITED KINGDOM, SCOTLAND, MALTA,
UGANDA, ICELAND, TANZANIA, GHANA,
THAILAND DAN SINGAPURA.**

E-Twinning menawarkan sebuah platform bagi warga sekolah yang terlibat dalam program Eco-Schools untuk berkongsi pengalaman dan membina rangkaian pada peringkat antarabangsa.

Peranan Green Growth Asia Foundation (GGAF) di dalam program E-Twinning ini adalah untuk membina rangkaian antara sekolah-sekolah di Malaysia dengan institut-institut atau organisasi-organisasi luar negara bagi mewujudkan perhubungan awam dengan rangkaian pada peringkat antarabangsa. Hal ini secara langsung memanfaatkan langkah keenam metodologi Eco-Schools iaitu 'Jalinan & Jaringan' di mana penerimaan dan penyebaran maklumat merentasi sempadan dapat dilaksanakan.

Menerusi program E-Twinning, GGAF dapat mendekatkan lagi jarak antara para pelajar dan para guru dengan wakil-wakil dari negara lain untuk berbincang tentang isu-isu alam sekitar yang berlaku di negara masing-masing dan bertukar maklumat berkenaan jenis-jenis solusi yang digunakan bagi mengatasi masalah persekitaran komuniti.

Dengan penglibatan GGAF dalam program E-Twinning, pergabungan dapat dimulakan untuk melangsungkan projek pedagogi yang kolaboratif, di dalam program Eco-Schools yang diterapkan di Malaysia, bersama badan luar negara.





Penglibatan berterusan
terhadap alam sekitar
membentuk pembangunan
murid yang holistik

HUBUNGI KAMI

21-2, Jalan DR 1,
Taman Delima,
75150 Bukit Baru, Melaka

contactus@greengrowthasia.org
www.greengrowthasia.org